



**FELCRA JAYAPUTRA SDN BHD  
(KILANG KELAPA SAWIT JAYAPUTRA)**

**POLISI TIADA GANGGUAN, KEGANASAN & PENDERAAN DI TEMPAT KERJA**

FELCRA Jayaputra Sdn. Bhd. komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, profesional, bebas daripada gangguan seksual, keganasan, ancaman serta sebarang bentuk penderaan fizikal, mental atau emosi.

Kami tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan, tidak kira sesama jantina atau berlainan jantina, termasuk tingkah laku yang mengancam maruah, keselamatan atau kesejahteraan warga kerja kami.

**Komitmen Organisasi**

**Kami akan:**

- Mengambil tindakan segera ke atas setiap aduan berkaitan gangguan, keganasan dan penderaan.
- Mengenaikan tindakan disiplin atau undang-undang yang sewajarnya terhadap pelaku, bergantung kepada tahap kesalahan.
- Melindungi mangsa dan pemberi maklumat daripada sebarang bentuk tekanan, balasan atau diskriminasi.

**Tatacara Aduan & Siasatan**

- Aduan boleh dibuat secara lisan atau bertulis.
- Setiap aduan akan disiasat dengan adil, sulit dan tidak berat sebelah.
- Proses siasatan melibatkan:
  - Temu bual kedua-dua pihak dan saksi (jika ada)
  - Semakan bukti berkaitan & Laporan siasatan dalaman

**Tindakan Disiplin**

**Jika aduan dibuktikan:**

- Tindakan seperti kaunseling, surat amaran, penggantungan, penamatan kontrak, atau laporan kepada pihak berkuasa akan dikenakan bergantung kepada tahap kesalahan.

Kami berpegang teguh kepada prinsip hormat-menghormati, integriti dan keselamatan bersama di tempat kerja. Polisi ini adalah sebahagian daripada komitmen kami terhadap persekitaran kerja yang bebas dari diskriminasi, penindasan dan ketakutan.

  
.....  
**PENGARAH URUSAN  
(LIEW TEEN CHAI)**

TARIKH: 2HB MEI 2025